

Makanan rakyat marhaen tidak dikenakan cukai SST

Peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diumumkan kerajaan baru-baru ini sebenarnya hanya melibatkan penambahan sekitar 20 peratus sahaja daripada keseluruhan 6,297 barangan dan perkhidmatan yang telah pun dikenakan cukai sebelum ini.

Menurut Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Datuk Johan Mahmood Merican langkah itu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna apabila ada yang menyangka ia satu bentuk cukai baharu yang dikenakan secara menyeluruh.

Sedangkan hakikatnya jelas beliau, banyak barangan dan perkhidmatan ada dalam senarai asal dan sudah lama dikenakan SST, namun tidak disedari pengguna kerana ditanggung

di peringkat pengilang atau pembekal.

Kekeliruan turut bertambah apabila tular pelbagai dakwaan termasuk kononnya air laut, rambut manusia dan tulang turut dikenakan cukai.

Ikuti wawancara eksklusif Johan Mahmood bersama Wartawan *Sinar Harian*, Nurhidayah Hairon bagi memperincikan maksud sebenar peluasan SST menjawab kekeliruan awam serta menjelaskan rasional di sebalik langkah tersebut dalam konteks pemerkasaan dasar fiskal negara.

DATUK JOHAN MAHMOOD
MERICAN

SINAR HARIAN: Mengapa SST bersasar lebih baik dilaksanakan pada ketika ini berbanding GST? Apakah kelebihan SST dan kekurangan GST?

DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN: Biasanya yang mengesyorkan GST dari pakar ekonomi dan sektor peniagaan. Pakar ekonomi melihat GST sebagai cukai yang sangat terangkum sebab hampir semua perkhidmatan dan barangan akan terangkum untuk pendaftaran GST, jadi dari segi itu ketirisan dapat dikurangkan. Tetapi pada masa yang sama, tanggungan cukai tu akan lebih meluas.

Jadi antara yang telah disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat bahawa pentingnya kerajaan memperluas asas hasil dalam kaedah lebih bersasar dan progresif untuk biayai keperluan rakyat.

Jika kita laksana GST seperti yang dibuat sebelum ini dianggarkan peningkatan hasil lebih daripada RM20 bilion. Jika dibandingkan pendekatan telah diambil pada masa ini untuk peluasan SST, dianggarkan untuk tahun penuh sekitar RM10 bilion.

Kurang separuh daripada apa yang bakal dikutip jika dilaksanakan GST. Tapi pada hemah kerajaan, kerajaan tak nak terlalu membebankan dari segi ekonomi dan rakyat.

Perniagaan memang lebih suka GST. Sebab contohnya kalau saya ada satu perniagaan, saya kenakan GST kepada pelanggan saya. Tapi kalau pelanggan saya itu juga peniaga, dia boleh *claim* GST kepada pelanggannya...begitu juga seterusnya...akhirnya yang tanggung GST adalah 100 peratus pengguna akhir iaitu rakyat.

Tak mustahil semua persatuan perniagaan nak GST sebab bawah GST dia tak tanggung cukai sebab semuanya akan dialih kepada pengguna akhir.

Jadi, itu juga antara sebab Perdana Menteri dalam melaksanakan usaha bagi meningkatkan hasil, beliau ingin melaksanakan pendekatan yang lebih bersasar.

ini? Berapa pula penambahan item berbanding senarai asal?

Senarai baris tarif untuk kastam secara keseluruhannya ada 11,442 (berbanding 6,297 barang sedia bercukai sebelum ini) yang diperluaskan tu ada 3,332.

Dari segi unjurannya untuk cukai jualan sahaja, kenaikan hasilnya pun tak sampai 20 peratus. Jadi, dakwaan jumlahnya melipat kali ganda tu memang tak benar.

Terdapat ulasan pakar ekonomi bahawa walaupun buah-buahan import sering dikaitkan dengan golongan berpendapatan sederhana dan tinggi, impak daripada SST itu tetap boleh 'menyusup masuk' ke atas golongan B40 melalui perubahan harga dalam pasaran keseluruhan.

Pihak kami berusaha memastikan barangan asas harian tidak dikenakan SST. Contohnya barangan yang belum diproses. Ayam, daging, sayur dan juga makanan yang proses tapi makanan asas (tidak dikenakan) contohnya beras, tepung, gula garam, minyak masak sawit dan roti.

Itu kita telah teliti bagi pastikan barangan itu kosong peratus... tidak ada sebab jika barangan tersebut naik harga. Namun demikian, ada barangan yang naik seperti buah-buahan import, makanan laut premium seperti ikan kod dan salmon.

Ada dua perkara. Pada hemah kerajaan, itu merupakan pilihan. Ada alternatif yang pada kosong peratus, ada alternatif keluaran tempatan. Jadi dengan itu, barangan tersebut dikenakan lima peratus.

Tapi secara keseluruhan, bila dibuat perhitungan dari segi apa impaknya kepada perbelanjaan sesuatu isi rumah, unjuran yang dibuat mungkin akan menyumbang kepada peningkatan inflasi kepada 0.25 peratus. Lebih kurang sama dengan kerajaan anggarakan.

Pada tahap jika pengenaan SST melibatkan peningkatan 0.25 peratus, itu dilihat tahap masih terkawal, yang kita berpandangan tidak terlalu membebankan.

Datuk sebut mungkin pengguna ada pilihan. Tapi bagaimana jika keluaran tempatan tak mampu menampung kesan berantai terhadap cukai yang dikenakan ke atas makanan import? Contohnya harga produk tempatan yang lebih murah menyebabkan permintaan meningkat, tapi pengeluaran tak mampu tampung permintaan?

Mungkin satu niat sampingan bila kita laksana cukai sebegini akan menggalakkan dan menggiatkan pengeluaran tempatan. Saya harap itu akan ditingkatkan dan

Kementerian Pertanian juga akan berusaha menggalakkan juga pengeluaran buah-buahan tempatan.

Sebenarnya dari segi khasiat, tidak kurang dengan buah import. Tapi ada juga contoh-contoh, mungkin salah satu daripadanya ialah kelapa.

Pengeluaran tempatan memang jauh daripada mencukupi tapi kelapa diimport juga dikekalkan pada kosong peratus sebagai mengambil kira itu memang antara keperluan asas dan memang tak ada dari segi ketidakcukupan sumber tempatan.

Adakah kerajaan buat kajian impak SST bersasar terhadap rakyat?

Yang saya sebut tadi adalah dari segi unjuran dan anggaran impaknya dari segi kadar inflasi. Itu bila disebutkan pada tahap 0.25 peratus, kita melihat itu dari segi impak yang masih terkawal yang masih tidak akan menjejaskan daripada segi unjuran inflasi untuk tahun ini.

Tular dakwaan bahawa 'air laut' turut dikenakan cukai. Turut dibangkitkan ialah skrap logam, plastik kitar semula, gula mentah, garam meja, rambut manusia, tulang, air mani lembu, yogurt. Boleh Datuk Seri jelaskan mengenai perkara ini?

Cukai ini bidang yang agak teknikal. Sememangnya itu ialah bahasa industri. Jadi, isu air laut tu memang dalam warta di bawah kategori garam...tapi garam yang kita makan memang kosong peratus. Itu saya boleh sahkan.

Tetapi, ada jenis-jenis garam yang dikatakan barangan premium yang bukan kegunaan orang biasa seperti *table salt* dikenakan cukai jualan.

Yang disebut air laut tu sebenarnya input untuk industri farmasi. Dia guna *sea water*. Boleh dikatakan yang digunakan untuk produk farmaseutikal.

Bukannya kalau pergi ambil air laut di Port Dickson, dikenakan SST. Inilah isunya bila orang biasa baca wartanya, dia punya penerangan kadang-kadang memang terma orang industri tapi tak merujuk kepada



Johan Mahmood melawat Pusat Panggilan

Boleh Datuk jelaskan berapa jumlah ke-